



## **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan yang menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap Pegawai Penguat kuasa atau terhadap sesuatu Agensi Penguatkuasaan. Suruhanjaya mempelawa warganegara Malaysia yang berintegriti dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya ini.

### **Kelayakan:**

1. Warganegara Malaysia.
2. Calon-calon lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

### **PEMBANTU OPERASI GRED N11**

Klasifikasi Perkhidmatan	: Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Tetap
Gred Gaji	: N11
Jadual Gaji (Min - Max)	: RM1,216.00 – RM2,983.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	: RM80.00
Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	: RM95.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	: RM300.00
Bantuan Sara Hidup (BSH)	: RM300.00

### **SYARAT LANTIKAN**

- (a) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau  
  
(ii) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15)
- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **DISKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas operasi am, penyampaian surat/dokumen/saman/notis dan tugas pemanduan kenderaan.

## **CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan jawatan EAIC yang boleh dimuat turun dari laman web EAIC di [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my);
2. Semua permohonan hendaklah disertakan gambar terbaru dan salinan Resume/ Ijazah/ Diploma/ Sijil-Sijil/ Surat Beranak/ Salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan;
3. Permohonan hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat; dan
4. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) yang terkini.

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**SETIAUSAHA  
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
NO.18, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA  
(U.P.: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 JANUARI 2019 (SELASA)**

*Sekiranya tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.*